

02/11/2000

Bandar raya antara MSC, KLIA

BANGI, Rabu - Sebuah bandar raya mega akan wujud dalam kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) di antara Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di ibu negara dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ia bakal menjadi bandar raya yang cukup besar dengan jumlah penduduk mencecah 2.5 juta dalam tempoh 15 tahun akan datang berbanding 2 juta jumlah penduduk Kuala Lumpur sekarang.

"Putrajaya (juga dalam MSC) saja akan ada 300,000 penduduk. Jadi ia akan tumbuh dengan cara terancang," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan seranta dan bantahan awam draf rancangan tempatan MSC di sini, hari ini.

Melalui program itu, rakyat di kawasan MSC kini diberi peluang untuk memberi input kepada rancangan pembangunan tempatan di kawasan terbabit sama ada dalam bentuk cadangan, bantahan atau pindaan kepada pelan pembangunannya.

Untuk itu, kerajaan mulai hari ini mempamerkan draf rancangan tempatan dalam kawasan MSC merangkumi draf rancangan tempatan Cyberjaya meliputi keluasan 6,325 hektar, Dengkil yang akan dikenali sebagai Cyber Village (3,604 hektar), Salak Tinggi iaitu bandar raya lapangan terbang (2,888 hektar), Sungai Merab (8,860 hektar) dan Pinggiran KLIA (22,914 hektar).

Ditanya mengenai cadangan menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan ketiga selepas Kuala Lumpur dan Labuan, Dr Mahathir berkata ia tidak besar kerana cuma membabitkan keluasan kira-kira 2,500 hektar.

"Ia kecil daripada KLIA yang meliputi kawasan seluas 25,000 ekar (6,250 hektar). Putrajaya kecil saja dan kalau dijadikan kawasan wilayah (persekutuan), ia ditadbirkan oleh satu badan lain," katanya sambil menyatakan keyakinan bahawa usaha menjadikannya sebagai Wilayah Persekutuan menjadi kenyataan tidak lama lagi.

Mengenai pelancaran seranta dan bantahan awam untuk draf rancangan tempatan bagi MSC itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak terfikir akan berlaku banyak bantahan daripada rakyat terhadap keseluruhan pelan itu.

"Ini memberi peluang kepada rakyat untuk menyatakan pandangan mereka, input mereka kepada perancangan. Rakyat berpeluang untuk membantah atau mengemukakan cadangan lain tetapi hendaklah berasas dan jangan kata tak suka pembangunan ... pindah (pembangunan) ke tempat lain," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, pembangunan itu mengambil masa kerana ia satu perancangan untuk masa depan bagi membolehkan pihak berkuasa mengenal pasti kawasan yang dibangunkan serta lokasi penempatan.

Cadangan yang akan dikemukakan termasuk penggunaan tanah, demografi, utiliti, kemudahan masyarakat dan pembaikan alam sekitar. Orang ramai diberi peluang memberi komen, cadangan baru atau bantahan terhadap semua perancangan yang dirangka tetapi mesti berkepentingan umum.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan menentukan bentuk pembangunan di negeri-negeri seperti yang berlaku di Selangor dengan projek MSC yang mengandungi beberapa elemen penting seperti pusat pentadbiran Putrajaya, bandar siber Cyberjaya dan KLIA.

Katanya, banyak negeri mahukan pembangunan berskala besar seumpama itu tetapi Kerajaan Pusat terpaksa membuat pilihan berdasarkan kepentingan tertentu.

Dr Mahathir berkata sebab itulah rakyat Selangor perlu bersyukur kerana MSC diadakan di negeri mereka sehingga menyebabkan kawasan berkenaan dan

sekitarnya turut menikmati pembangunan begitu pesat.

Katanya, selain membolehkan kerajaan Selangor menikmati hasil daripadanya, harga tanah yang melambung berikutan keputusan kerajaan melaksanakan MSC, Putrajaya, Cyberjaya dan KLIA turut melahirkan beberapa jutawan dan meningkatkan taraf hidup penduduk seperti yang berlaku hasil pembangunan di Langkawi.

"Saya harap mereka sedar tak banyak orang di Malaysia yang mendapat pembangunan sebegitu besar, jadi mereka perlu menilai nikmat yang diterima berbanding keadaan mereka dulu," katanya.

(END)